

**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PELAKSANAAN END-TO-END (E2E) BAGI URUSAN CONSENT**  
**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN WP**

1. **Apakah yang dimaksudkan dengan permohonan End to End (E2E) Consent?**

Permohonan End to End (E2E) Consent bermaksud semua urusan bagi permohonan Consent dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian. Pemohon tidak lagi perlu hadir ke kaunter PPTG WP untuk berurusan.
2. **Bilakah sistem E2E Consent akan dilaksanakan sepenuhnya secara dalam talian?**

E2E Consent akan dilaksanakan sepenuhnya untuk semua urusan pada **30 Ogos 2022** kecuali untuk urusan **Kebenaran Perolehan Tanah oleh Warga Asing (KWA)** pada **27 September 2022**.
3. **Adakah urusan boleh dibuat sekiranya tiada akaun pengguna Portal Awam e-Tanah PPTG WP?**

Tidak boleh. Pemohon perlu mendaftar sebagai pengguna Portal Awam e-Tanah PPTG WP terlebih dahulu bagi mendapat id pengguna untuk akses ke perkhidmatan yang terdapat di Portal Awam e-Tanah.
4. **Adakah permohonan E2E Consent boleh dibuat sekiranya cukai tanah / cukai petak belum dijelaskan?**

Cukai tanah / cukai petak wajib dijelaskan sebelum membuat permohonan Consent.
5. **Apakah kaedah pembayaran yang digunakan bagi perkhidmatan E2E Consent?**

Pada masa kini, perkhidmatan E2E hanya menyediakan kemudahan bayaran melalui FPX (*Financial Process Exchange*).
6. **Sekiranya pengguna terlepas/terlupa untuk mencetak resit bayaran, bolehkah cetakan tersebut dibuat semula?**

Pengguna boleh mencetak semula resit bayaran pada kolum Tindakan pada skrin Status Permohonan.
7. **Bagaimanakah pengguna akan mendapat makluman berkenaan pertanyaan/inquiry oleh pihak PPTG WP?**

Pengguna akan menerima pemakluman melalui e-mel dan laman notifikasi pada dashboard pengguna di Portal Awam e-Tanah.

8. **Bagaimanakah pengguna akan menerima surat keputusan?**

Pengguna akan menerima surat keputusan melalui dua (2) cara iaitu pada skrin Status Permohonan di Portal Awam e-Tanah dan juga melalui e-mel yang telah didaftarkan.

9. **Bolehkan pemohon mencetak surat keputusan sendiri?**

Pemohon boleh mencetak di atas kertas A4 biasa

10. **Bolehkah surat keputusan dicetak secara hitam putih?**

Ya, boleh. Surat keputusan boleh dicetak samada secara hitam putih ataupun berwarna.

11. **Adakah hanya borang permohonan yang lengkap dan dicetak melalui Portal Awam e-Tanah sahaja yang boleh ditandatangani oleh anak guam?**

Tidak. Jadual simpanan/cetakan sendiri boleh diguna pakai dengan syarat susunan dan struktur ayat adalah sama seperti yang diisi dan dilengkapkan dalam Portal Awam e-Tanah. Jadual tersebut mestilah lengkap diisi dan ditandatangani sebelum dimuat naik melalui Portal Awam e-Tanah.

12. **Sekiranya pihak bank (bagi hakmilik yang mempunyai gadaian) tiada bantahan ke atas permohonan consent berkaitan, perlukah pihak bank kemukakan surat tiada bantahan tersebut untuk disertakan bersama permohonan tersebut?**

Tidak. Tiada keperluan pemegang gadaian untuk kemukakan surat bantahan/tiada bantahan bagi permohonan Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

13. **Perlukah surat tiada bantahan disertakan dalam permohonan consent?**

Tidak perlu.

14. **Sekiranya terdapat kesilapan pada permohonan (borang lama) dan pembedulan pada permohonan telah dibuat dalam Portal Awam e-Tanah, perlukah borang baru tersebut dicetak dan ditandatangani semula?**

Tidak, hanya perlu betulkan pada borang lama dan tandatangan ringkas (*initial*) pada perubahan yang telah dibuat. Kemudian, pengguna perlu pastikan maklumat pada borang lama adalah sama dengan maklumat yang dikemaskini di Portal Awam e-Tanah dan seterusnya muat naik semula borang tersebut di Portal Awam e-Tanah.

15. **Berapakah tempoh masa untuk memproses suatu urusan permohonan yang lengkap?**

Tiga puluh (30) hari bekerja.

16. **Adakah terdapat had pada bilangan dokumen yang boleh dilampirkan?**

Tiada had/tetapan pada bilangan dokumen lampiran (boleh lebih dari satu (1) fail lampiran). Namun, had saiz maksimum bagi satu (1) fail dokumen adalah 100mb.

17. **Jika pemilik merupakan warganegara asing yang berdaftar menggunakan nombor pasport lama, adakah perlu untuk dilampirkan surat akuan bagi mengesahkan pemilik pada pasport lama dan pasport baru adalah orang yang sama?**

Ya, pemohon perlu melampirkan surat akuan bagi mengesahkan pemegang pasport dahulu dan pasport baharu adalah orang yang sama.

18. **Bolehkah surat akuan ditulis dalam bahasa Inggeris?**

Boleh. Tiada halangan sekiranya surat akuan tersebut ditulis dalam bahasa Inggeris.

19. **Bagaimanakah cara bayaran kelulusan?**

Dua pilihan cara bayaran :

- Bayaran dibuat oleh pemohon di portal awam
- Bayaran melalui kaunter PPTG WP

20. **Apakah medium yang digunakan untuk makluman kepada pemohon selepas permohonan?**

- Emel pemohon.
- Notifikasi pada portal awam untuk maklumkan surat keputusan.